




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

22 APRIL 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 149 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 370,366 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Sandakan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 450 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 359,933 orang. Manakala 194 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 193 orang di hospital, satu (1) orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC). Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 12 orang merangkumi 10 di ICU/repurposed kritikal *care* serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan sembilan (9) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tambunan dan Telupid berubah dari zon jingga ke zon kuning manakala Lahad Datu dan Putatan berubah dari zon jingga ke zon merah, .

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 11 daerah
- Zon Jingga enam (6) daerah
- Zon Merah 10 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah jangkitan baharu di Negeri Sabah melonjak naik kepada 149 kes hari ini, pertambahan 64 kes berbanding semalam.
- b. Pertambahan jumlah kes secara mendadak kepada tiga (3) angka berpunca daripada dua (2) faktor utama. Pertama, kluster baharu pendidikan yang diisytiharkan hari ini dan melibatkan pelajar-pelajar asrama Sekolah Menengah Sains di Lahad dan setakat ini melibatkan 39 pelajar. Faktor kedua ialah jumlah daerah yang mencatatkan pertambahan kes baharu bertambah daripada lapan (8) daerah kelmarin kepada 17 daerah hari ini. Cuma enam (6) daerah mencatatkan jumlah kes baharu yang lebih rendah daripada sebelumnya.
- c. Empat (4) daerah mencatatkan kes dua (2) angka iaitu Lahad Datu 40 kes (+36), Sandakan 18 kes (+11), Kota Kinabalu 13 kes (-14) dan Penampang 10 kes (+7). Sebanyak 19 daerah mencatatkan kes satu (1) angka dengan 14 daerah merekodkan kes baharu kurang daripada lima (5) kes, manakala empat (4) daerah lain iaitu Kota Marudu, Kunak, Nabawan dan Tongod tidak mencatatkan sebarang kes baharu hari ini.
- d. Satu (1) kluster baharu diisytiharkan hari ini di Lahad Datu yang melibatkan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sains Lahad Datu. Kes indeks adalah seorang lelaki, 16 tahun, warganegara dan merupakan seorang pelajar asrama di Tingkatan 4 di SM Sains Lahad Datu. Indeks kes mula bergejala pada 18/4/2022 dan menjalani saringan pada hari yang sama dan didapati positif. Saringan terhadap kontak rapat (rakan seasrama) mendapati 38 pelajar lagi telah dijangkiti menjadikan jumlah pelajar yang positif setakat ini sebanyak 39 orang. Semua yang terlibat telah diasingkan dan diberikan rawatan yang selanjutnya.
- e. Seramai 141 orang daripada 149 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, empat (4) orang dalam Kategori 3, dua (2) orang dalam Kategori 4 dan seorang (1) pesakit dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	38	25.50%
2	Kontak	27	18.12%
3	Bergejala	58	38.93%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	26	17.45%
JUMLAH		149	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (21 April 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 21/04/2022	Catatan Kes 22/04/2022	Perbandingan
1	Lahad Datu	4	40	+36
2	Sandakan	7	18	+11
3	Beaufort	0	8	+8
4	Putatan	0	8	+8
5	Penampang	3	10	+7
6	Papar	3	7	+4
7	Keningau	2	6	+4
8	Semporna	1	4	+3
3	Kota Belud	2	4	+2
10	Kalabakan	0	2	+2
11	Sipitang	0	2	+2
12	Kinabatangan	0	2	+2
13	Tenom	2	4	+2
14	Telupid	0	1	+1
15	Pitas	0	1	+1
16	Ranau	0	1	+1
17	Kudat	2	3	+1
18	Kuala Penyu	2	2	Mendatar
19	Beluran	2	2	Mendatar
20	Nabawan	0	0	Mendatar
21	Kunak	0	0	Mendatar
22	Kota Kinabalu	27	13	-14
23	Tuaran	14	6	-8
24	Kota Marudu	5	0	-5
25	Tambunan	4	2	-2
26	Tongod	1	0	-1
27	Tawau	4	3	-1
JUMLAH		85	149	+64

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Lahad Datu	38	0	0	0	2	40	65
Sandakan	0	7	8	0	3	18	134
Kota Kinabalu	0	5	7	0	1	13	317
Penampang	0	3	7	0	0	10	134
Beaufort	0	0	7	0	1	8	71
Putatan	0	0	7	0	1	8	42
Papar	0	3	4	0	0	7	99
Tuaran	0	3	2	0	1	6	88
Keningau	0	0	2	0	4	6	26
Kota Belud	0	0	3	0	1	4	24
Tenom	0	2	2	0	0	4	45
Semporna	0	0	0	0	4	4	19
Tawau	0	0	2	0	1	3	75
Kudat	0	0	2	0	1	3	31
Kuala Penyu	0	2	0	0	0	2	30
Sipitang	0	1	0	0	1	2	15
Beluran	0	1	0	0	1	2	11
Tambunan	0	0	2	0	0	2	20
Kinabatangan	0	0	0	0	2	2	11
Kalabakan	0	0	2	0	0	2	5
Ranau	0	0	0	0	1	1	29
Pitas	0	0	0	0	1	1	11
Telupid	0	0	1	0	0	1	18
Kota Marudu	0	0	0	0	0	0	27
Tongod	0	0	0	0	0	0	4
Kunak	0	0	0	0	0	0	6
Nabawan	0	0	0	0	0	0	6
JUMLAH	38	27	58	0	26	149	1363

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Lahad Datu	Kluster Jalan Segama Lahad Datu	38
Jumlah		38

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Jalan Segama Lahad Datu - Lahad Datu merupakan kluster institusi pendidikan yang melibatkan pelajar-pelajar SM Sains Lahad Datu terdiri dari rakan sekelas serta seasrama. Kluster ini dikesan apabila seorang lelaki tempatan, 16, dan merupakan pelajar asrama di Tingkatan 4 di sekolah terbabit menjalani saringan pada 18 April 2022 dan didapati positif COVID- 19, selepas bergejala. Saringan terhadap kontak kes (bergejala) kemudiannya mendapati 38 lagi kes baharu, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 39 kes. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan yang selanjutnya.

7 Jumlah kapasiti katil 1,193 unit.

- Hospital 1,141 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 24 unit
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 16.26 %.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 22 APRIL 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	143
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	6
Jumlah	149

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	146
Bukan Malaysia	3
Jumlah	149

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	5
Belum Menerima Vaksin (5-11)	3
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	21
Menerima 1 Dos	3
Lengkap 2 Dos	78
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	39
Jumlah	149

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1-4	4
5 -11	6
12-17	63
18-29	26
30-39	16
40-49	10
50-59	6
60-69	12
70-79	4
80-89	1
>90	0
Jumlah	149

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **685,239** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 137 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 119 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat iaitu satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 dan satu (1) lagi tangkapan di bawah Akta Kawalan Bekalan 196.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 535 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 545 premis perniagaan dan 929 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 109 Premis Perniagaan melibatkan 51 anggota APM.
- 4 Sejumlah 32 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 161 hebahan di seluruh Sabah.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD SEMASA (MYSOP)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap prosedur operasi standard semasa (MYSOP) pada hari ini ialah **98.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98.8%
2	Sipitang	98.7%
3	Kinabatangan	98.7%
4	Kunak	98.7%
5	Kota Belud	98.6%
6	Kota Marudu	98.6%
7	Kudat	98.5%
8	Beluran	98.5%
9	Ranau	98.5%
10	Tenom	98.5%
11	Beaufort	98.5%
12	Sandakan	98.4%
13	Keningau	98.4%
14	Tawau	98.3%
15	Lahad Datu	98.3%
16	Kota Kinabalu	98.3%
17	Papar	98.2%
18	Tuaran	98.2%
19	Penampang	98.1%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II